

03/05/1997

Usahawan Malaysia jangan tamak: PM

Haniff Hadi in Blantyre (Malawi)

BLANTYRE (Malawi), Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan usahawan Malaysia yang melabur di luar negara supaya tidak bersikap tamak dan mengejar keuntungan semata-mata.

Perdana Menteri berkata, selain mencari keuntungan, mereka perlu mengamalkan tanggungjawab sosial dan membantu negara yang memberikan peluang pelaburan kepada mereka.

"Usahawan Malaysia mesti mengamalkan falsafah yang digunakan oleh kerajaan iaitu memakmurkan jiran kerana dengan berbuat demikian, mereka juga akan menikmati faedahnya," katanya di upacara pecah tanah bangunan hotel di sini hari ini.

Hotel tujuh tingkat yang boleh menampung 150 tetamuitu diusahakan oleh syarikat Malaysia, G-Two Holdings Berhad (74 peratus) dengan kerjasama Malawi World Resort Ltd (26 peratus).

Dr Mahathir berkata, slogan memakmurkan jiran adalah falsafah Malaysia dan ia harus dijadikan pegangan oleh setiap usahawan negara dalam perniagaan mereka. Menerusi falsafah itu, kekayaan boleh dikongsi dan semua pihak akan mendapat manfaat.

Beliau memuji langkah G-Two Holdings yang memperuntukkan 100 rumah murah secara percuma kepada Kerajaan Malawi untuk diagihkan kepada rakyat miskin negara itu.

"Langkah G-Two Holdings ini wajar dicontohi usahawan Malaysia yang lain. Dengan kerjasama seperti itu, kita boleh berkongsi kekayaan dan menikmati faedah daripadanya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menyerahkan kunci 100 rumah berkenaan kepada Presiden Republik Malawi, Dr Bakili Muluzi, dalam upacara simbolik di daerah Ndirande, kawasan di mana G-Two Holdings memajukan kawasan perumahan seluas 2,000 hektar.

G-Two Holdings akan memajukan kawasan Ndirande itu sebagai bandar satelit dalam tempoh 10 hingga 20 tahun dengan kos kira-kira RM3.5 bilion. Syarikat itu juga menandatangani perjanjian bagi penswastaaan pembinaan lebuh raya empat lorong dari Blantyre ke Lilongwei.

Dr Muluzi dalam ucapannya berkata, Malawi mempunyai banyak peluang pelaburan dan beliau mengajak usahawan Malaysia supaya lebih agresif kerana menurutnya perniagaan adalah proses dua hala.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan usahawan Malaysia kerana memilih Malawi sebagai tempat untuk melabur.

(END)